

# **Bahasa Melayu Pertuturan Dalam Komunikasi Pelajar India**

oleh

**Suthanthiradevi J. N. J. Money**

Maktab Perguruan Teknik  
Malaysia

## **ABSTRAK**

*Bahasa Melayu pertuturan penting dalam komunikasi pelajar India. Walaupun bahasa Melayu dipelajari sejak tahun satu, namun mereka menggunakan bahasa Melayu pasar dan difahami oleh pendengar. Data diperolehi daripada rakaman perbualan dan soal selidik sepuluh pelajar tingkatan empat yang pendidikan asasnya Sekolah Kebangsaan(SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil(SJKT). Data dianalisis tentang jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan mesej. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi berdasarkan bahasa ibunda (strategi terjemahan literal dan strategi penukaran kod bahasa) paling kerap digunakan. Ia dipengaruhi oleh keluarga dan persekitaran pelajar dan bukan pendidikan asas sekolah rendahnya. Pelajar India berfikir dalam bahasa Tamil, terjemahkan pemikiran itu dalam pertuturan bahasa Melayu. Diharapkan guru bahasa Melayu dapat membantu pelajar B2 dengan merancang pelajaran sesuai dengan keupayaan pelajar mereka. Suatu modul yang sempurna harus disediakan bagi pelajar-pelajar B2 supaya strategi komunikasi yang sesuai digunakan tanpa kesalahan bahasa Melayu. Kajian lanjutan dapat meningkatkan keberkesanan penggunaan strategi komunikasi penutur B2 semasa berkomunikasi.*

## **PENGENALAN**

Pencapaian bahasa Melayu (BM) pelajar India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Malaysia masih rendah dibanding dengan pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 1999 - 2002 ada menunjukkan peningkatan secara keseluruhannya. Tetapi jika dibandingkan dengan SK dan SJKC; SJKT menunjukkan pencapaian yang sangat rendah terutama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan (rujuk Jadual 1 - Lampiran 1).

Punca kemerosotan ini mungkin dapat dikaitkan dengan kesukaran pelajar India mempelajari BM sebagai bahasa kedua. Kebanyakan pelajar India di Malaysia menuturkan BM sebagai bahasa kedua (B2). Bagi mereka komunikasi dalam BM terhad pada penggunaan bilik darjah atau dalam situasi sosial tertentu di luar bilik darjah. Ini menambahkan lagi kesukaran untuk mereka meningkatkan prestasi dalam penggunaan dan pembelajaran BM (Money, 1996).

Kemungkinan ramai antara pelajar tidak mendapat pendedahan kepada BM dengan sewajarnya sekiranya mereka bersekolah rendah di SJKT. BM tidak digunakan dalam pengajaran mata pelajaran lain di SJKT selain mata pelajaran BM. Dalam peperiksaan seperti UPSR dan PMR, jika pelajar tidak lulus peperiksaan mata pelajaran BM mereka masih terus belajar di tingkatan satu dan tingkatan empat secara automatik. Oleh yang demikian, ini mungkin menghasilkan tanggapan pelajar yang merasakan bahawa BM tidak sebegitu penting semasa mereka di sekolah.

Persekitaran persekolahan juga kurang mengizinkan para pelajar berkomunikasi dalam BM. Sikap ini ditanam pada awal alam persekolahan dan akan tinggal kekal sehingga pelajar menempuh alam dewasa (Money, 1996).

Perbezaan yang terdapat dalam sistem BM berbanding BT mengakibatkan kesukaran kepada pelajar yang mempelajari bahasa tersebut. Kesukaran mungkin dapat diatasi sekiranya pelajar diberi kesedaran tentang perbezaan yang terdapat di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini mengemukakan empat tujuan seperti yang berikut:

1. Untuk mengenal pasti pelbagai jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar-pelajar India semasa bertutur dalam BM.
2. Kekekapan penggunaan strategi komunikasi pelajar-pelajar India bertutur dalam BM dengan dipengaruhi oleh bahasa ibunda.
3. Strategi komunikasi yang paling berkesan digunakan oleh pelajar-pelajar India semasa bertutur dalam BM.
4. Memahami kelemahan pelajar India dalam pertuturan BM.

### **METODOLOGI**

#### **Responden**

Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Laki-laki Sg. Pari, Ipoh. Responden terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki India dari dua kelas tingkatan empat. Lima orang daripada mereka mempunyai pendidikan sekolah rendah dari SJKT dan lima orang lagi perolehi pendidikan asas dari SK. Kesemua responden berumur dalam lingkungan 16-17 tahun. Semasa bertutur di rumah mahupun dengan kawan-kawan, mereka lebih selesa menggunakan bahasa Tamil (BT) daripada BM. Kesemua responden suka menonton filem dalam BT di televisyen selain daripada program-program BT yang lain.

#### **Instrumen**

Terdapat tiga instrumen:

- (i) Modul Temu Bual Berstruktur

Ia mengandungi 15 soalan. Ia adalah tentang latar belakang diri responden, penggunaan bahasa responden apabila bercakap dengan bapa, ibu, adik-beradik, rakan-rakan, jiran-jiran dan guru-guru dan bentuk pertuturan percampuran kod yang wujud.

(ii) Perbualan Kumpulan

Perbincangan kumpulan tentang satu tajuk yang disediakan. Pelajar-pelajar seramai lima orang dalam satu kumpulan duduk dalam bulatan dan berbincang tentang tajuk yang diberikan iaitu 'Kemalangan Jalan Raya'. Setiap responden bebas mengeluarkan pendapat. Perbincangan mengambil masa lebih kurang satu jam sahaja.

(iii) Soal Selidik

Ia mempunyai 12 soalan. Responden perlu memilih jawapan yang tepat sahaja. Bagi soalan yang memerlukan huraian, responden perlu tulis jawapan yang ringkas dan tepat. Soalan-soalan tersebut terdiri daripada pendidikan asas dan perasaan responden apabila mempelajari BM, bahasa yang digunakan apabila bercakap di rumah, kawan-kawan, serta program televisyen yang digemari oleh responden.

Data pertuturan yang dihasilkan oleh responden ini ditranskripsi. Temu bual berstruktur dan perbualan kumpulan merupakan data utama bagi lisan. Ia dianalisis satu persatu selepas dikumpul dalam masa tiga minggu. Setelah kesemua transkripsi dikumpulkan barulah dibuat satu analisis strategi berdasarkan data yang diperolehi. Akhirnya penulisan dapat dimulakan setelah mengenal pasti butir-butir yang terdapat dalam penganalisan data.

### **PENGANALISISAN DATA**

Berdasarkan analisis soal selidik, didapati enam orang responden memperolehi gred C dalam UPSR, manakala tiga orang lagi gagal dalam UPSR. Hanya seorang yang dapat gred B dalam mata pelajaran BM peringkat UPSR.

Pada peringkat PMR, seramai enam orang responden mendapat gred C. Empat orang yang lain gagal mendapat kepujian dalam mata pelajaran BM. Ujian Lisan PMR pula, seramai lapan orang mendapat gred C, seorang mendapat gred B manakala seorang lagi mendapat gred D.

Responden telah memberi satu bentuk tindak balas tentang perasaan mereka apabila terpaksa belajar BM di sekolah. Terdapat empat orang daripada responden merasa gembira, dua orang merasa tidak gembira dan empat orang lagi merasa takut. Namun tidak seorangpun responden yang merasa seronok untuk mempelajari BM. Ini menunjukkan responden kurang berminat untuk mempelajari bahasa kedua.

Bagi menangani masalah yang dihadapi semasa mempelajari BM seorang responden memilih untuk bertanya kepada guru, seorang responden memilih untuk membaca buku berkenaan, tiga orang responden memilih untuk berbincang dengan kawan. Seramai lima orang lagi tidak kisah bagi menangani masalah mereka.

Terdapat lapan orang responden yang bertutur dalam BM apabila perlu dan dua orang lagi responden jarang bertutur dalam BM. Ini mungkin disebabkan keadaan sekeliling yang tidak mengizinkan responden lebih kerap bertutur dalam bahasa kedua terutama

semasa di luar bilik darjah. Semua responden menggunakan BT semasa bertutur di rumah dan dengan kawan-kawan India.

Apabila bertutur dalam BM, 80% responden berfikir dahulu dalam bahasa ibunda dan kemudian terjemah sebelum meluahkan apa yang hendak disampaikan. Keadaan ini berbeza dengan 20 % responden yang terus bercakap dalam BM tanpa menterjemah terlebih dahulu sebelum bertutur.

Ramai antara responden yang mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud mereka kerana kurang fasih apabila bertutur, sekiranya mengalami kesukaran untuk menyampaikan maksud dalam BM, responden membuat beberapa pilihan. Seramai empat orang memilih dengan cara mengambil masa untuk berfikir, seorang meminta pertolongan daripada pandangan, empat orang memilih untuk menggunakan bahasa isyarat, cuma seorang sahaja memilih untuk menukar kepada topik lain.

Sekiranya mengalami kesukaran leksikal dalam BM, 60% responden memilih untuk menggunakan perkataan yang hampir sama. Seramai 20% responden memilih untuk menghuraikan makna dan 20% lagi memilih untuk menstruktur semula ayat. Tiada seorang responden pun memilih untuk mencipta perkataan baru.

Semasa bercakap dalam BM, 40% responden berpendapat bahawa pendengar dapat memahami mereka selepas meneka maksud yang hendak disampaikan. Seramai 50% berpendapat bahawa pendengar boleh faham dengan senang dan 10% lagi berpendapat bahawa pendengar akan menolong membetulkan mereka. Namun tidak seorang pun yang berpendapat bahawa pendengar tidak boleh memahami apa yang hendak disampaikan dalam BM.

Program televisyen yang paling digemari oleh kesemua responden ialah filem BT. Ini diikuti dengan 20% orang memilih filem bahasa Inggeris. 10% memilih filem BM. Responden banyak membuat pilihan program lain iaitu ASTRO Saluran Tamil. Ini menunjukkan bahawa mereka berminat dan dapat memahami BT melalui media tersebut.

Dalam jadual yang dibentangkan, jelas sekali menunjukkan bahawa responden banyak menggunakan strategi yang berdasarkan bahasa ibunda. Boleh dikatakan semua responden menggunakan struktur ayat yang janggal (Hukum MD) apabila bertutur. Berdasarkan data yang diperolehi didapati beberapa orang penutur yang kurang fasih mengalami masalah komunikasi lantas memperlihatkan penggunaan strategi komunikasi semasa bertutur. Strategi yang paling banyak digunakan ialah terjemahan literal, penukaran kod bahasa dan pengisian partikel 'lah' serta pengulangan.

Dalam Jadual 2 (Lampiran 2), analisis data temu bual berstruktur, pelajar SK dan SJKT telah memilih strategi berdasarkan bahasa ibunda bentuk terjemah literal sebagai strategi utama semasa bertutur BM. Pelajar SJKT memilih penukaran kod bahasa sebagai pilihan kedua manakala pelajar SK memilih parafrasa dalam strategi berdasarkan bahasa kedua sebagai pilihan keduanya, yang menjadi pilihan ketiga pelajar SJKT.

Dalam Jadual 3 (Lampiran 3), tugas perbualan kumpulan pula, pelajar SK dan SJKT telah memilih strategi terjemahan literal berdasarkan B1 sebagai pilihan utama. Pilihan kedua pelajar kumpulan ini ialah strategi pengulangan berdasarkan B2. Pengisian partikel dan penukaran kod bahasa merupakan strategi berdasarkan B1 yang menjadi pilihan pelajar SJKT. Pelajar SK banyak menggunakan pengulangan untuk berkomunikasi. Ini merupakan strategi berdasarkan B2.

Strategi literal paling banyak digunakan iaitu responden menterjemah secara literal daripada BT ke BM iaitu 40.7%. Walaupun ayat yang diujarkan itu dalam BM, tetapi struktur ayat tersebut ialah ayat BT. Keadaan ini selaras dengan data soal selidik iaitu lapan daripada sepuluh orang subjek berfikir dahulu dalam BT sebelum bertutur dalam bahasa tersebut. Berikut ialah sebahagian daripada strategi terjemahan literal yang ditemui dalam data.

316	Dia kirja tukang kubun sekolah cikgu. Dia kirja dekat aa Sekolah Renda ACS. Lagi pitang-pitang, dia ada juwal kaccan. Dia juwal kaccan pute aa dipan itu 'Super Kinta'
349	Saya suka manya cakap cikgu. Saya amma slalu kata aa, saya bagus cakap, lagi boleh jadi loya. Misti minang sumuwa kes pon. Itu pasa la.
471	Itu ari ada motor kasi langga satu anjin cikgu. Kaki patah cikgu. Dia kuat-kuat bising. Saya ingat dia sakit manya kuat.

Dengan menterjemah secara literal, ujaran yang hendak disampaikan, responden dapat mengemukakan maksud dengan lebih jelas kepada pendengar yang kebetulannya berkongsi ciri-ciri bahasa yang sama. Memandangkan pendengar (penyelidik) mempunyai ciri-ciri bahasa yang sama, ia mampu memahami apa yang ingin disampaikan oleh penutur tersebut.

Sebilangan responden telah menggunakan strategi penukaran kod bahasa berdasarkan bahasa ibunda. Kekekapan sebanyak 18.1% strategi penukaran kod ditemui dalam data ini. Strategi ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang positif sebab ia dapat membantu komunikasi. Responden didapati menukar kod bahasa sama ada ke bahasa Inggeris mahupun BT, apabila keadaan terdesak untuk menyampaikan mesej. Dalam keadaan sedemikian, mereka seolah-olah tidak sedar akan apa bahasa yang digunakannya. Ada juga responden yang terus menukar kod bahasa apabila tidak dapat menyampaikan mesej dalam bahasa kedua.

Berikut ialah contoh-contoh strategi penukaran kod yang ditemui.

008	Saya bapak lori 'driver', cikgu. Dia ada bawa lori bawa pigi Joho, cikgu. Kadan-kadan satu minggu satu kali baru dia bale ruma.
050	<i>Dei, pothum, vaye muddu</i> [Ei, cukup, tutup mulut kamu] Nanti cikgu kata apa. Cikgu tak da mara ka?
070	Cikgu, saya tak da <i>pass</i> pon tak da pa. Saya <i>Maths</i> pandai. Saya boleh kira-kira. Lagi .. aa .. saya bole <i>business</i> kaccan pute la.

Ada responden menggunakan pengisian 'lah' sebagai partikel dalam ayat penyata. Penyelidik telah mencatatkannya sebagai pengisian ruang dan masa. Perkara ini berlaku mungkin kerana kebiasaan penggunaannya dalam percakapan seharian dalam bahasa ibunda. Oleh yang demikian responden terbawa-bawa penggunaannya walaupun bertutur dalam BM. Perkataan 'la' yang digunakan oleh responden adalah kependekan partikel

'lah'. Ini juga kerana kebiasaan penggunaannya dan mungkin untuk menegaskan lagi ayat diujarkan. Contoh penggunaan 'la' adalah seperti yang berikut:

334	Bole jugak. Ada susa sikit la. Tapi .. aa .. bole buwat la.
561	Saya tak mau jadi saksi la ... saya tak da suka pigi itu .. ' <i>police station</i> '.
562	Kalu kita pon tak mau pigi, lagi sapa mau. Susa .. la..

Strategi pengulangan adalah yang ketiga banyak ditemui dalam data. Pengulangan yang dimaksudkan ialah pengulangan perkataan, frasa, ataupun klausa. Kebanyakan responden menggunakan strategi pengulangan dengan tujuan untuk:

- (i) Memberi penekanan kepada makna sesuatu perkataan.
- (ii) Memanjangkan masa untuk memberi peluang mengingatkan kembali leksem BM yang ingin diujarkan.
- (iii) Mencari atau mendapatkan idea yang akan disampaikan.
- (iv) Membetulkan kesilapan sebutan, kesalahan tatabahasa atau bentuk perkataan dan sebagainya.

Berikut adalah contoh-contoh strategi pengulangan yang ditemui dalam data.

<b>Pengulangan untuk memberi penekanan</b>	
006	Saya bapa nama Solaian, saya amma nama Letchumi. Saya sekolah renda baca itu Sekolah Tamil Sungai Pari. Skrang sini, cikgu.
144	Kawan-kawan India, saya cakap India la, kawan-kawan Melayu, cakap Melayu, lagi, kawan-kawan Cina, cakap Melayu jugak.
<b>Pengulangan untuk mengingatkan kembali leksem BM</b>	
124	Bapak ka, .. cikgu. Dia kaccan pute ada juwal. Juwal dekaa .. aa .. , itu gambar Odean, cikgu.
541	Tapi .. aa .. ada itu lori tare misti tare misti cipat sampai punya. Dia satu kali tare pigi ' <i>workshop</i> ' .. aa .. kuran-kuran misti kasi 300 .. oo .. awak tau ka, itu lori tare?
<b>Mencari atau mendapatkan idea</b>	
266	' <i>Pilot</i> ' cikgu bole terbang atas sana. Kita bole bawa kapal terbang banya besar. Lagi .. aa .. gaji banya cikgu, lagi boleh jauh jalan, bole tenggo banya tempa, cikgu.
542	Apa itu lori tare? Dia tare pegi mana? Lagi polis buwat apa?
<b>Membetulkan kesilapan sebutan, tatabahasa atau bentuk perkataan</b>	
010	Tak da cikgu. Tapi .. aa .. dia, anak oran kasi jaga, cikgu. Itu misi punya anak.
152	Ada banya kali. Lagi susa la. Saya kawan tanya. Dia kasi jawab., saya tulis Melayu, la.

Kebanyakan responden kerap memilih strategi komunikasi berdasarkan bahasa ibunda untuk bertutur dalam bahasa kedua. Walau bagaimanapun terdapat tiga aspek yang perlu diberi perhatian oleh pelajar India iaitu pengetahuan linguistik bahasa sasaran, persekitaran responden, dan sokongan keluarga.

## PERBINCANGAN

### **Strategi yang kerap ditemui**

Strategi yang kerap ditemui ialah strategi berdasarkan bahasa ibunda iaitu strategi terjemahan literal sebanyak 40.7%. Strategi yang ditemui antara kalangan pelajar SK dan SJKT ini dapat menolong responden menyampaikan mesej dengan lebih sempurna setelah berfikir dalam bahasa ibunda tentang apa yang ingin diujarkannya. Strategi ini digunakan untuk memberi peluang mengingatkan kembali perkataan yang diperlukan dalam bahasa ibunda dan kemudian diujarkan dalam BM.

Strategi terjemahan literal digunakan untuk memberi kelancaran pertuturan kepada responden untuk memikirkan idea yang ingin disampaikan dalam bahasa ibunda. Pada umumnya, penggunaan strategi literal memberi manfaat kepada responden untuk berkomunikasi dengan lebih baik. Walaupun ujaran sesuatu perkataan itu diubah suai ikut lidah penutur India dengan adanya terjemahan literal, namun responden dapat menyampaikan mesej dengan jayanya.

### **Strategi yang paling berkesan untuk menyampaikan mesej**

Strategi yang paling berkesan untuk menyampaikan mesej ialah strategi berdasarkan B2. Strategi ini digunakan oleh pelajar India iaitu 68.8% daripada analisis data gabungan temu bual berstruktur dan perbualan kumpulan. Ia adalah 40.7% terjemahan literal, 18.1% penukaran kod bahasa dan 10% pengisian partikel 'lah'.

Responden banyak menggunakan strategi komunikasi terjemahan literal dari bahasa ibunda ke B2 untuk menyampaikan mesej. Walaupun responden memperlihatkan masalah komunikasi, mereka dapat menangani dengan menggunakan strategi terjemahan literal, kerana semasa terjemahan literal dilakukan, mereka dapat memikirkan tentang perkataan yang sesuai untuk diujarkan. Oleh yang demikian, responden dapat menyampaikan maksud dengan lebih sempurna dan lebih bermakna.

Dengan strategi penukaran kod bahasa, mesej yang ingin disampaikan itu lebih berkesan dan bermakna kepada pendengar. Ada kalanya semasa pertuturan, responden tidak mempunyai idea untuk meneruskan ujaran. Namun setelah melakukan penukaran kod bahasa, barulah tiba idea untuk menyambungkan dan menyampaikan mesej.

Penggunaan pengisian partikel 'lah' kerap digunakan oleh pelajar India semasa berkomunikasi khususnya kumpulan SJKT iaitu 11.1% dan 7.4% pelajar SK. Pelajar-pelajar India suka menggunakan partikel 'lah' dalam perbualan mereka. Biasanya partikel 'lah' digunakan untuk tujuan penegasan sesuatu perkataan atau ayat. Pelajar India mungkin menggunakan 'lah' bagi melicinkan komunikasi pertuturan dengan lancar. Jadi responden dapat menyampaikan mesej dengan tidak terputus-putus demi kelancaran pertuturannya. Pengisian partikel 'lah' pada akhir ayat atau hujung ujaran, biasanya dengan melembutkan ujaran, ia lebih membawa kepada kemesraan.

### **Hubungan strategi komunikasi dengan tahap penguasaan B2 penutur**

Daripada soal selidik, didapati responden berfikir dahulu dalam bahasa ibunda dan menterjemahkannya sebelum bertutur dalam BM. Dalam temu bual tidak berstruktur,

responden memberitahu bahawa menonton televisyen saluran ASTRO dengan memberi tumpuan perhatian kepada wayang gambar BT sekurang-kurangnya satu setiap hari. Ini menunjukkan bahawa faktor media massa telah memperkukuhkan lagi penguasaan bahasa ibunda responden.

Semasa sesi perbualan kumpulan, ramai di antara responden kelihatan berkeyakinan. Mereka mampu bertutur dalam B2 walaupun terdapat kejanggalan ayat. Malah semasa perbualan, mereka tidak menunjukkan kelemahan yang keterlaluan dalam penggunaan BM. Ujaran mereka lancar, tidak banyak yang tersekat-sekat; seolah-olah mereka memahami soalan dan menjawab akan kehendak soalan.

Masalah kekurangan pengetahuan linguistik dari segi leksikon atau tatabahasa membantutkan komunikasi responden. Oleh yang demikian, responden yang masih belum menguasai B2 dengan sepenuhnya lebih banyak menggunakan strategi berdasarkan bahasa ibunda untuk menyampaikan mesej berbanding dengan responden yang mempunyai pengetahuan linguistik B2 yang agak kukuh untuk berkomunikasi.

Didapati responden SK agak fasih dalam BM dan tidak banyak menggunakan strategi komunikasi. Mereka masih berusaha untuk berkomunikasi walaupun menggunakan BM pasar berdasarkan bahasa ibunda. Mereka tidak banyak menggunakan strategi rayuan bantuan kerjasama semasa berkomunikasi.

Didapati pelajar B2 sangat cekap BM pasar. Responden yang kurang fasih atau yang rendah pencapaiannya mengalami masalah mencari-cari perkataan yang sesuai dengan pengulangan yang lebih banyak daripada responden yang mempunyai sumber linguistik yang kukuh. Punca kemerosotan ini dapat dikaitkan dengan kesukaran dan sikap pelajar India terhadap BM sebagai B2.

## CADANGAN

Kajian ini telah berusaha untuk mendapatkan pelbagai jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar India semasa mereka berkomunikasi dalam BM. Kajian lanjutan hendaklah bertitik tolak daripada kajian ini dengan tujuan untuk menolong pelajar berkomunikasi dalam B2 walaupun mereka mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad.

Dari aspek pedagogi, seorang guru dapat menolong pelajar B2 untuk berkomunikasi supaya dapat menyampaikan maksud dengan jayanya. Pelajar harus diberi latihan aktiviti komunikasi jenis berpandu supaya mereka dapat berkomunikasi dengan mudah. Sekiranya topik yang diberikan agak sukar, pelajar akan cepat bosan. Aktiviti berpasangan atau berkumpulan yang tidak lebih daripada lima orang, dapat menolong pelajar untuk berkomunikasi. Mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain tentang sesuatu topik yang disediakan oleh guru.

Sebarang aktiviti perbincangan yang dirancangan untuk pelajar harus terkawal. Tujuannya supaya pelajar dapat mengemukakan fakta-fakta tertentu sahaja tentang topik. Keadaan sedemikian tidak memberi laluan bagi pelajar bercakap tanpa arah tujuan. Juga perbincangan yang dicadangkan tidak seharusnya terlalu serius kerana ini mungkin membosankan pelajar untuk berkomunikasi.

Kajian ini merupakan kajian awal untuk meninjau keadaan BM pertuturan dalam komunikasi pelajar India. Suatu kajian yang lebih mendalam tentang strategi komunikasi dalam wacana yang berbeza patut dijalankan.



## RUJUKAN

- Aminah bt. Mohamad (1996) *Strategi Komunikasi Pelajar-pelajar Melayu Dalam Pertuturan Bahasa Inggeris*. Tesis Master. Universiti Malaya.
- Ang Lay Hoon (1992) *Strategi Komunikasi Orang Cina dalam Bahasa Malaysia*. Tesis Untuk Sarjana Pengajian Bahasa Moden Tidak Diterbitkan . Universiti Malaya.
- Bialystok, E. (1990) *Communication Strategies: A Psychological Analysis of Second Language Use*. London: Basil Blackwell.
- Carolyn, M.C. (1989) *A Descriptive Study of the Oral Communication strategies of Approximation and Word Coinage by Preschool Children*. Tesis Sarjana Sastera Universiti Malaya.
- Money J. (1996) *Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid-murid India*. Tesis Master Sains Universiti Pertanian Malaysia.
- Selinker L. (1972) *Interlanguage*, *International Review of Applied Linguistics* 10, 209- 231.
- Varadi, T. (1983) *Strategies of Target Language Learner Communication: Message Adjustment* (eds). Faerch, C. & Kasper, G. dalam *Strategies In Interlanguage Communication*. Longman.

### Lampiran 1

Jadual 1: Keputusan Peperiksaan UPSR – BM Pemahaman dan Penulisan  
(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, November 2002)

Perkara	Jenis	1999 %	2000 %	2001 %	2002 %
Bahasa Melayu Pemahaman	SK	87.5	88.6	88.2	89.0
	SJKC	64.3	64.5	65.5	70.8
	SJKT	44.5	43.9	54.6	59.3
Bahasa Melayu Penulisan	SK	78.9	81.0	83.6	85.6
	SJKC	44.2	56.2	56.7	68.7
	SJKT	24.9	39.2	40.1	51.7

## Lampiran 2

Jadual 2: Strategi Komunikasi Pelajar SK dan SJKT Pelajar India dalam Tugas Temu Bual Berstruktur

Takso Subjek	Strategi berdasarkan B1			Strategi berdasarkan B2				Rayuan Kerjasama	
	Tjemah literal	Tukar kod	Isi partikel	Para frasa	Pgham piran	Peng ulang	Kata Salah	Rayu lngsng	Rayu Tak lngsg
S1	13	7	3	5	2	2	2	1	1
S2	22	15	5	2	5	4	0	0	0
S3	12	6	2	13	2	5	0	0	0
S4	21	17	8	6	2	6	1	1	2
S5	15	12	4	3	2	5	1	0	1
Jum	83	57	22	29	13	22	4	2	4
S6	8	3	1	3	2	2	0	0	0
S7	10	4	2	7	4	4	2	1	1
S8	7	3	1	2	1	2	0	0	0
S9	4	2	1	3	1	2	0	0	1
S10	3	4	2	6	5	2	0	0	0
Jum	32	16	7	21	13	12	2	1	2
JUMB	115	73	29	50	26	34	6	3	6

## Lampiran 3

Jadual 3: Strategi Komunikasi Pelajar SK dan SJKT Pelajar India dalam Tugas Perbualan Kumpulan

Takso Subjek	Strategi berdasarkan B1			Strategi berdasarkan B2				Rayuan Kerjasama	
	Tjemah kod	Tukar kod	P'isi partikel	Para Frasa	P'ham piran	Peng ulang	Kata Salah	Rayu lngsng	Rayu Tak Lngsng
S1	15	3	6	1	1	6	0	0	1
S2	28	6	6	3	3	8	2	1	2
S3	12	3	2	1	1	8	0	0	0
S4	25	5	7	1	2	5	0	0	0
S5	11	3	2	1	2	5	0	1	1
Jum	91	20	23	7	9	32	2	2	4
S6	6	1	1	1	1	3	0	0	0
S7	9	4	2	2	2	9	0	0	1
S8	4	1	1	0	0	2	0	0	0
S9	6	2	1	1	1	3	0	0	0
S10	5	4	1	1	0	2	0	0	0
Jum	30	12	6	5	4	19	0	0	1
JUMB	121	32	29	12	13	51	2	2	5